22

# Kritik: Penjelasan

12 OCT 1971

SA-LAKU setiausaha PERSIPKU merasa bertanggongjawab untok memberi penjelasan atas keritik sdr. Guru Tua dalam BH 23 Ogos 1971 dan Finso Tua BH 20 Sept. 1971 yang sama isi-nya tetapi tajok-nya berlainan.

Sebenar-nya Persipku tidak berniat langsong untok menjayakan "Malam Pesta Seligi Putra Kuningan" sechara besar2an sebagaimana yang telah di-terangkan melalui ' 'sechebas kata" di-dalam ACHARA pada malam itu dan mereka yang di-undang Khas termasok yang mengambil bahagian dalam pertunjokan serta dermawan2 yang menderma $2/- sebelum-nya hanya berjumlah 370 orang sahaja, sedangkan kerusi yang di-sediakan untok mereka 750, tanpa di-undang.

Malang-nya pada malam 17 Julai itu banyak di-antara mereka berpusu2 masok tanpa menghiraukan sekatan di-pintu masok dan ada pula memechahkan pagar kawat berduri di-sebelah belakang pentas dan terus merebut duuok di-kerusi2 dengan tidak menghiraukan larangan oleh Jawatan Kuasa.

Pegawai2 yang di-tugaskan di-situ tak dapat berbuat apa2 (mengawal) serbuan mereka tak berdisiplin itu.

Akibat kejadian itu-lah maka anggaran orang2 yang masok ta'dapat di-pastikan.

Perkara itu saya akui atas kelemahan jawatan kuasa bertugas.

Chuba saudara berdua semak kembali BH 14.5.71 dan 24.5.71 atau kertas-nya ada kami berjanji akan menghidangkan Nasi Beryani atau Nasi minyak?

Mungkin Guru Tua dan Finso serta rakan2 dari Johor ta'dengar juru hebah (Pengerusi majlis Che' Salleh Ahmad) mempelawa mereka yang berkenaan mengambil makan-nya atau kelam kabot pulang sa-belum majlis berakhir.

Ahli2 silat yang sdr. sebutkan itu, ada-lah orang2 yang pertama di-hubongi dan di-ranchangkan untok sama2 mengambil bahagian dalam Pesta melalui pemimpin-nya.

Oleh kerana sesuatu sebab maka mereka ta'-dapat menyumbangkan permainan.

Butir2 lanjut mengenai-nya sdra. di-persilakan bertanya sendiri kapada pengarah persembahan 'KHAS' Malam Pesta.

Akhir sekali saya bagi pehak Persipku menguchapkan jutaan terima kaseh atas keritik dan tegoran Guru Tua dan Finso dan yang telah sudi menghadiahkan kalongan bunga.

**Bakar (Setia Usaha Persipku seksi SS-PBS).**

# Murid2 sekolah Kelantan sibok belajar seni silat gayong

16 OCT 1971 *parchah silat*

Oleh A.R. TAHIR

DI-KELANTAN sekarang heboh di-perkatakan tentang silat gayong, satu seni mempertahankan diri. Pengaroh seni silat gayong ini telah berkembang pula di-kalangan murid2 sekolah menengah dan sekolah kebangsaan yang ber-umor belasan tahun.

Hasil-nya sekarang telah tertuboh sa-buah lagi pasokan seni silat gayong Kubang Kerian (Bahagian murid2 sekolah) sejak dua bulan lalu.

Pasokan ini mengandongi kira2 dua puloh orang ahli yang terdiri dari murid2 sekolah dengan dua orang pelateh yang berpengalaman.

Mereka mengadakan latehan pada tiap2 hari Juma'at dan juga waktu2 malam di-tempat yang tersembunyi dari mata ramai. Pasokan ini ada-lah chawangan seni silat Melayu purba Pasir Hor yang di-tubohkan sejak bulan Januari lalu.

## Berlateh

Dua orang jurulateh pasokan murid2 ini ada-lah lepasan Pertubohan Seni Silat Melayu Purba, ia-ia-itu Enche Mohd. Yunus dan Enche Mohd. Nor Isa, kedua2-nya dari Kubang Kerian.

Sa-waktu saya berada di-tempat mereka berlateh baru2 ini, dua orang murid sedang berlateh saperti panglima gagah mempertahankan diri.

Enche Mohd. Yunus memberitahu bahawa beliau sendiri belajar dengan sa-orang guru sejak tiga tahun lalu. 'Tetapi sekarang saya sendiri di-anggap sa-bagai guru pula,' tegas-nya.

Kata Enche Yunus lagi, kebanyakan murid2-nya datang dari sekitar kampong Kubang Kerian. Ramai juga belia2 yang ingin menchebotkan diri dengan pasokan itu tetapi 'Kerana pasokan kami untok murid2 sahaja, terpaksa-lah kami menolak-nya buat sementara ini.'

Enche Mohd. Yunus telah mendapat tali pinggang kuning dari guru-nya, Enche Daud Othman, 34 tahun dan Haji Abd. Ghani Othman.

Menurut-nya lagi, sa-belum murid2 itu di-ajar ilmu silat gayong, mereka harus-lah terlebeh dulu membayar $1.15 sen sa-bagai tanda 'berkeras semangat.'

Mengikut adat, kata-nya lagi, sa-belum memulakan latehan, murid2 di-kehendaki membacha beberapa potong ayat Kur'an dan bersumpah tidak akan membuat segala pantang larang sa-orang pahlawan.

## Persembahan

Untok achara penamat latehan, murid2 di-kehendaki menyumbangkan persembahan2 yang hebat di-depan ramai ia-itu apa yang di-katakan 'gelanggang pelimau.'

Mereka juga di-kehendaki membawa sa-helai batek lepas tiap2 sa-orang, ayam panggang sa-ekor dan nasi kunyit satu pau. Akhir sekali murid2 semua di-kehendaki ber-maaf2an sesama sendiri bersama Tok Guru minta halal apa yang tersalah dan terkasar.